

MALTOFER® SYRUP

Iron (10mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Maltofer® Syrup
2. Bagaimana Maltofer® Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Maltofer® Syrup
4. Cara menggunakan Maltofer® Syrup
5. Semasa menggunakan Maltofer® Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Maltofer® Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Maltofer® Syrup

Maltofer® Syrup digunakan untuk merawat kekurangan zat besi tanpa atau dengan anemia (kekurangan sel darah merah). Ia juga digunakan untuk wanita hamil sebagai pencegahan kekurangan zat besi.

Bagaimana Maltofer® Syrup berfungsi

Maltofer® Syrup mengandungi zat besi yang berperanan dalam pembentukan dan fungsi sel darah merah

Sebelum menggunakan Maltofer® Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil ubat in jika anda mempunyai
- alahan terhadap iron (III)hydroxide polymaltose complex atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
 - masalah pengumpulan zat besi dalam badan
 - gangguan penyerapan zat besi
 - anemia yang bukan disebabkan oleh kekurangan zat besi

- Sebelum menggunakan Maltofer® Syrup

- Doktor anda akan memantau keberkesanan rawatan anda dengan pemeriksaan susulan dan ujian darah. Ini adalah biasa dan anda tidak perlu bimbang.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Maltofer® Syrup sekiranya anda ada penyakit barah atau jangkitan.
- Beritahu doktor anda jika anda menghidap penyakit kencing manis. Satu mL Maltofer® Syrup mengandungi 200 mg sukrosa. Sukrosa boleh merosakkan gigi

Mengandung dan menyusukan anak

- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi farmasi sebelum menggunakan sebarang ubat jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak.
- Sebelum anda mula mengambil Maltofer® Syrup, doktor harus mengenalpasti tahap zat besi dan sel darah hemoglobin melalui ujian yang sesuai. Jika gejala bukan disebabkan oleh kekurangan zat besi, Maltofer® Syrup tidak akan berkesan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda pernah dirawat dengan suntikan zat besi . Penggunaan bersama dengan ubat lain yang sama seperti Maltofer® Syrup tidak digalakkan. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda, jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Maltofer® Syrup

Maltofer® Syrup boleh dicampur dengan jus buah atau jus sayuran atau dimasuk dalam botol susu. Sila gunakan cawan pengukur dalam kotak untuk mendapatkan dos yang tepat.

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Anemia kekurangan zat besi:
 - Bayi berumur sehingga 1 tahun: 2.5-5 ml.
 - Kanak-kanak (berumur 1-12 tahun): 5-10 ml.
 - Remaja melebihi 12 tahun dan dewasa: 10-30 ml.
 - Wanita hamil: 20-30 ml.
- Kekurangan zat besi tanpa anemia:
 - Kanak-kanak (berumur 1- 12 tahun): 2.5-5 ml.
 - Remaja melebihi 12 tahun dan dewasa: 5-10 ml.
 - Wanita hamil: 10 ml.
- Terapi pencegahan untuk Wanita hamil: 5-10 ml.

- Bila perlu digunakan

- Ambil satu kali atau beberapa kali sehari seperti yang diarahkan oleh doktor atau pegawai farmasi.
- Ambil Maltofer® Syrup semasa atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

- Doktor anda akan menentukan tempoh rawatan mengikut keadaan anda.
- Jika anda menghidap anemia kekurangan zat besi, tempoh rawatan adalah lebih kurang 3-5

bulan sehingga keputusan ujian darah kembali normal

- Selepas itu, anda harus meneruskan rawatan pada dos yang ditetapkan oleh doktor selama beberapa minggu atau untuk wanita hamil, sekurang-kurangnya sehingga akhir kehamilan, untuk meningkatkan zat besi.
- Untuk kekurangan zat besi tanpa anemia, tempoh rawatan adalah 1-2 bulan

- *Jika anda terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Maltofer® Syrup

- *Perkara yang perlu dilakukan*

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor .
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Maltofer® Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Jangan berhenti menggunakan ubat

ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Maltofer® Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

- Maltofer® Syrup mengandungi 0.28 g sorbitol (gula) bagi setiap mL. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai intoleransi terhadap gula.
- Maltofer® Syrup mengandungi kurang daripada 100 mg ethanol (alkohol) bagi setiap 30 mL (dos harian maksimum).
- Maltofer® Syrup mengandungi sodium methyl hydroxybenzoate (E219) and sodium propyl hydroxybenzoate (E217). Ini boleh menyebabkan reaksi alahan yang mungkin mengambil masa untuk berlaku.
- Maltofer® Syrup mengandungi 1 mg garam setiap mL. Beritahu doktor anda jika anda mengamalkan diet garam terkawal
- Maltofer® Syrup tidak mempengaruhi pemanduan atau pengendalian jentera.

Kesan-kesan sampingan

- Kesan sampingan yang sangat kerap berlaku adalah perubahan warna najis.
- Kesan sampingan yang kerap berlaku adalah loya, sembelit, cirit-birit dan sakit perut.
- Kesan sampingan yang tidak kerap berlaku ialah muntah, perubahan warna gigi, kegatalan, ruam, kemerahan kulit dan sakit kepala.
- Kesan sampingan yang jarang berlaku adalah kekejangan otot dan sakit otot.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan

Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers*→ *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Maltofer® Syrup

- *Penyimpanan*

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak. Jangan gunakan produk selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak. Simpan ubat dalam bungkusan asal dan lindungi daripada cahaya. Simpan di bawah suhu 30 °C.

Sedikit perubahan warna pada larutan tidak akan menjejaskan keberkesanan produk dan rasa minuman.

Buang 2 bulan selepas dibuka.

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Larutan berwarna perang yang berperisa krim di dalam botol gelas berwarna perang. Cawan pengukur digunakan sebagai penutup botol.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif:
zat besi sebagai iron (III)hydroxide polymaltose complex (IPC)
- Bahan tidak aktif:
purified water, sorbitol solution (70%), sucrose, ethanol (96%), cream essence, methyl hydroxybenzoate (E218), propyl hydroxybenzoate (E216) dan sodium hydroxide

-Nombor MAL
MAL19911911XZ

Pengilang

Corden Pharma Friburg SA,
Route de Moncor 10
1752 Villars sur Glane Switzerland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn Bhd
No.15 Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian Bukit
Jelutong, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

07/10/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)130922/00069